

**MAJLIS MENGADAP DAN ISTIADAT PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN
DAN BINTANG-BINTANG SERTA PINGAT-PINGAT**
ISTANA NEGARA, 21 JUN 1986

Mengadap Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Almutawakkil Alallah Sultan Iskandar D.K., Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ampun Tuanku. Bagi pihak Kerajaan dan seluruh rakyat serta diri patek sendiri, patek mohon menyembah setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku, sempena Majlis Mengadap dan Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran dan Bintang-Bintang serta Pingat-Pingat pada hari ini.

2. Sempena hari yang berbahagia ini, patek sekalian berdo'a ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, semoga dilanjutkan usia serta dilimpahkan rahmat dan hidayahNya kepada Duli Tuanku serta Raja Permaisuri Agong. Demikian juga, patek sekalian berdo'a semoga Tuanku berdua sentiasa di dalam kandungan sihat walafiat, serta memerintah dan memegang teraju tertinggi pemerintahan negara Malaysia, dengan bertambah daulat dan kemuliaan.

Ampun Tuanku,

3. Dalam ucapan di upacara yang sama tahun lalu, patek telah memperkatakan tentang penggubalan Rancangan Malaysia Kelima dan cita-cita Kerajaan untuk memastikan objektifobjektif Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan dengan jayanya. Rancangan Malaysia Kelima telahpun bermula dan ianya mengambil-kira semua aspek ekonomi negara dan ekonomi antarabangsa. Kerajaan berasa optimis bahawa sebahagian besar daripada objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru akan tercapai.

4. Ekonomi negara yang meleset akibat kemelesetan ekonomi antarabangsa telahpun menunjukkan tanda-tanda pemulihan. Antara tanda-tanda pemulihan ialah yang terdapat dalam industri elektronik dan industri pembalakan. Harga minyak petroleum semakin stabil, bahkan ada kemungkinan ianya akan pulih sedikit-sebanyak dalam masa beberapa bulan lagi. Patek yakin proses pemulihan ekonomi negara ini akan berterusan walaupun secara perlahan-lahan, insya-Allah.

5. Di samping itu, kawalan ke atas import dan kawalan kewangan yang ketat oleh Kerajaan semenjak tahun-tahun berakhir ini telah menampakkan hasil yang menggalakkan. Salah satu contoh kejayaan kawalan itu ialah meningkatnya resap atau simpanan luar negeri, iaitu 'external reserves' negara kita. Simpanan luar negeri Malaysia pada hujung tahun 1985 ialah bersamaan dengan keupayaan kita membayar import negara selama 4.9 bulan. Ini berbanding dengan keupayaan simpanan luar negeri kita yang bersamaan dengan hanya 3.5 bulan import pada tahun sebelumnya, iaitu pada tahun 1984. Dalam pada itu juga Kerajaan telah melaksanakan hanya projek-projek pembangunan yang penting dan yang patut dilaksanakan dengan segera. Beberapa projek pembangunan lain lagi dapat dilaksanakan melalui usaha-usaha penjimatan oleh Kerajaan dan juga pinjaman dalam negeri. Pinjaman Kerajaan, sama ada daripada dalam negeri atau luar negeri, adalah hanya untuk projek-projek

pembangunan yang mempunyai pulangan kewangan atau ' financial returns' kepada ekonomi negara. Semua ini merupakan kejayaan-kejayaan awal ke atas usaha-usaha kawalan import dan kawalan kewangan Kerajaan.

6. Mengenai perpaduan pula, Kerajaan berbangga dengan tahap perpaduan yang telah kita capai setakat ini. Namun demikian Kerajaan akan terus berusaha untuk meningkatkan lagi perpaduan rakyat supaya terbina satu negara yang teguh lagi makmur. Insya-Allah, bilangan rakyat negara ini yang cintakan perpaduan, yang rasional dan sentiasa berwaspada tentang pentingnya perpaduan adalah lebih ramai. Hanya segelintir sahaja yang kadang-kadang ghairah dengan isu-isu yang boleh meningkatkan perasaan perkauman oleh kerana kepentingan parti atau kepentingan diri sendiri. Pada keseluruhannya, dugaan-dugaan kecil ini akhirnya akan menjadikan kita bertambah kuat dan lebih bersatu.

Ampun Tuanku,

7. Patek, bersama-sama dengan Menteri-Menteri, Timbalan-Timbalan Menteri, dan sekalian kakitangan Kerajaan, akan terus menumpukan usaha dan tenaga untuk menyempurnakan tugas dan tanggungjawab patek sekalian dengan penuh semangat dan tekad bagi menjamin kemakmuran, keselamatan dan kebahagiaan rakyat dan negara Malaysia.

8. Pada hari yang berbahagia dan penuh istiadat ini, bagi pihak diri patek, Kerajaan dan seluruh rakyat, patek dengan segala hormat dan takzimnya mohon menyembah ikrar taat-setia yang tidak berbelah bahagi kepada Duli Tuanku.

Ampun Tuanku, sembah patek harap diampun.